



06 DEC, 2022

## Senai Airport lulus tanah perindustrian kepada Fiffy



Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

# Senai Airport lulus tanah perindustrian kepada Fiffy

**PETALING JAYA:** Senai Airport City Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh tidak langsung MMC Corporation Berhad dan Fiffy Sdn. Bhd. telah menyempurnakan Perjanjian Jual Beli (SPA) bagi pelupusan sebidang tanah perindustrian di Senai Airport City (SAC) pada 30 November lalu.

Tanah berkeluasan kira-kira 9.72 ekar bermilai RM23.3 juta itu menjadi pilihan Fiffy, salah satu jenama produk bayi tempatan terkemuka di Malaysia untuk ibu pejabat baharunya, seiring pengembangan kemudahan pembuatan dan gudangnya di Johor.

Ketua Pegawai Eksekutif Fiffy, Lee Siew Mui berkata, Fiffy kini mempunyai tiga pusat pengedaran yang mengedar ke lebih 700 cawangan dan 17 butik di seluruh negara.

"Pascapandemik telah memperhebatkan pasaran peng-

guna e-dagang di dalam dan juga serantau. Justeru, kami melihat keperluan untuk lokasi yang strategik untuk rangkaian pengedaran gudang Fiffy sebagai strategi perniagaan jangka panjang dan kami yakin SAC adalah pilihan yang tepat.

"Kawasan ini adalah pembangunan industri bersepada yang terancang dengan keter-sambungan logistik strategik ke tiga persimpangan utama Lebuhraya Utara-Selatan, Lebuhraya Senai-Desaru dan Lebuhraya Link Kedua, selain dua pelabuhan laut di Johor dan tiga lapangan terbang antarabangsa.

"Ini pasti akan meningkatkan fleksibiliti operasi Fiffy dalam jangkuan pasaran antarabangsa," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, kemudahan baharu itu akan dibina dengan menggabungkan aplikasi Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) seperti sistem siber-fizikal, kecerdasan

buatan, pengkomputeran kognitif dan penderia pintar untuk memastikan proses rantai bekalan pengurusan yang cekap dalam rangka kerja alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

"Pembangunan kemudahan baharu itu akan selaras dengan cadangan nilai SAC dalam menyasarkan industri pembuatan bersih dan bertenologi tinggi yang telah menarik pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung domestik (DDI) yang bereputasi terutamanya daripada logistik dan pergudangan, elektrik dan elektronik, teknologi hijau dan segmen industri kenderaan elektrik," ujarnya.

Tahun lalu, Senai Airport City telah merekodkan jualan tanah berjumlah 140 ekar kepada pengguna akhir terkenal seperti Tiong Nam Logistics Sdn. Bhd. dan Wiwynn Technology Service Malaysia Sdn. Bhd.



**KETUA Jualan dan Pemasaran Senai Airport City, Claudia Wong (dua dari kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif Fiffy, Lee Siew Mui (tiga dari kiri) menunjukkan surat penyempurnaan jual beli tanah.**



06 DEC, 2022

## Senai Airport lulus tanah perindustrian kepada Fiffy

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

PETALING JAYA: Senai Airport City Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh tidak langsung MMC Corporation Berhad dan Fiffy Sdn. Bhd. telah menyempurnakan Perjanjian Jual Beli (SPA) bagi pelupusan sebidang tanah perindustrian di Senai Airport City (SAC) pada 30 November lalu. Tanah berkeluasan kira-kira 9.72 ekar bernilai RM23.3 juta itu menjadi pilihan Fiffy, salah satu jenama produk bayi tempatan terkemuka di Malaysia untuk ibu pejabat baharunya, seiring pengembangan kemudahan pembuatan dan gudangnya di Johor.